



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TEKS UCAPAN

AMANAT KETUA SETIAUSAHA BERSAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI TAHUN 2022

KDN SEPINTAS LALU

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum warrahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera,

Salam Keluarga Malaysia dan Salam Keluarga KDN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bertemu dalam Amanat bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Dalam Negeri Tahun 2022.
2. Sebagai peneraju kepada keselamatan dan keamanan dalam negeri, KDN terdiri daripada sembilan (9) agensi dan 26 Bahagian. Manakala dalam konteks pengurusan kewangan dan perakaunan di KDN, terdapat 338 Pusat Tanggungjawab (PTJ), 597 Pusat Kos dan 768 Pejabat Pemungut.

BAJET 2022

3. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kementerian Kewangan, yang telah memperuntukkan sejumlah RM17.09 bilion kepada KDN melalui Bajet 2022 dengan tema "Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera" merangkumi RM1.96 juta di bawah T.11 – Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP), RM13.51 bilion di bawah B.62 – KDN dan RM3.58 bilion di bawah P.62 – KDN.
4. Jumlah peruntukan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM237.11 juta (1.41%) berbanding peruntukan tahun 2021 dan KDN kekal sebagai penerima peruntukan ketiga tertinggi, selepas Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Ini membuktikan betapa pentingnya peranan KDN dalam menjamin keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam.
5. Pada dasarnya, peruntukan yang diperolehi akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan kementerian merangkumi emolumen, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan.

6. Selain itu, terdapat 13 inisiatif berkaitan KDN turut disebut dalam Ucapan Bajet 2022 yang mana:
- (i) 11 inisiatif akan diterajui oleh KDN antaranya pemerkasaan Bahagian D11 Polis Diraja Malaysia (PDRM), penambahan pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA), pembukaan pintu masuk baharu imigresen, pelaksanaan *Malaysian Incentive Community Empowerment* (MylCE) dan Identiti Digital Nasional (IDN); dan
 - (ii) Dua (2) inisiatif yang diterajui oleh kementerian lain seperti penghasilan kit asas kebersihan diri bagi pengedaran secara percuma kepada 130 ribu remaja wanita golongan B40 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang melibatkan Jabatan Penjara Malaysia dan peluasan skop pengajaran Takmir di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada agensi-agensi di bawah KDN seperti Jabatan Penjara dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

PENYALURAN PERUNTUKAN SECARA BERFASA

7. Seperti tahun sebelumnya, saya bersetuju menyalurkan waran peruntukan perbelanjaan mengurus di bawah Dasar Sedia Ada (DSA) melalui dua (2) fasa. Penyaluran fasa pertama sebanyak 80% telah diselesaikan pada 3 Januari 2022.
8. Baki peruntukan dijangka akan disalurkan pada bulan Julai 2022 tertakluk kepada prestasi perbelanjaan. Manakala, penyaluran peruntukan bagi Program Khusus dan *One-Off* pula akan dibuat secara berasingan berdasarkan unjuran keperluan.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

9. Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah *Rolling Plan-2* (RP-2) pula, terdapat **49 projek baharu** dan **165 projek sambungan** yang telah diluluskan melibatkan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) berjumlah RM3.58 bilion merangkumi pembiayaan projek-projek baharu sebanyak RM596 juta dan projek-projek sambungan sebanyak RM2.98 bilion.

PEROLEHAN

10. Bagi perancangan perolehan keseluruhan KDN pada tahun 2022, didapati terdapat peningkatan sebanyak 38% berbanding tahun lepas. Usaha penambahbaikan pengurusan perolehan di KDN perlu terus dilaksanakan seperti berikut:
 - (i) Mulai April 2021, pelaksanaan perolehan bekalan/perkhidmatan secara tender yang bernilai RM500,000.00 sehingga RM5,000,000.00 di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus boleh dilaksanakan sendiri oleh semua agensi;
 - (ii) Penetapan keahlian bagi Jawatankuasa Pembuka Tender Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan turut disertai oleh pegawai daripada Bahagian-bahagian lain selain daripada Bahagian Perolehan KDN;
 - (iii) Pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi dalam kalangan pegawai daripada agensi pengguna;
 - (iv) Penyediaan format baharu kertas pembentangan ke Lembaga Perolehan KDN melibatkan permohonan pelanjutan tempoh dan tambahan kuantiti serta nilai kontrak semasa dan kertas pertimbangan pemilihan akhir pembekal; dan
 - (v) Penyediaan templat dokumen kontrak perkhidmatan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) dan Bahagian Perolehan KDN bagi mempercepatkan urusan semakan dokumen perjanjian kontrak.
11. Saya juga ingin mengingatkan supaya semua permohonan tender berserta dokumen spesifikasi teknikal tender bagi bekalan dan perkhidmatan yang perlu diiklankan di peringkat kementerian hendaklah dikemukakan dengan lengkap kepada Bahagian Perolehan KDN mulai Disember 2021 hingga Mac 2022.
12. Permohonan pembaharuan kontrak-kontrak semasa yang perlu ditender di peringkat Kementerian perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan KDN selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kuat kuasa

kontrak sedia ada dan lapan (8) bulan bagi kontrak perolehan berkaitan *Information and Communication Technology (ICT)*.

PENGURUSAN ASET

13. Setakat Sukuan Ketiga 2021, jumlah kumulatif keseluruhan aset alih KDN yang direkodkan adalah sebanyak **5,116,512 unit** dengan nilai perolehan asal berjumlah RM25.9 bilion. Justeru, dengan mengambil kira jumlah peruntukan besar yang disalurkan pada setiap tahun, pengurusan aset Kerajaan yang bersistematik, cekap dan berkesan adalah amat kritikal.
14. Sehubungan dengan itu, saya menggesa semua Ketua Jabatan dan PTJ agar memastikan semua aset Kerajaan diuruskan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berhubung Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
15. Sehingga Sukuan Ketiga Tahun 2021 juga, saya menerima sejumlah 1,004 permohonan berkaitan kehilangan dan hapus kira aset beserta dengan syor ke atas pihak yang bertanggungjawab. Kelemahan pengurusan aset yang menyebabkan berlakunya pelbagai kes kehilangan yang menyebabkan kerugian kepada Kerajaan perlulah ditangani sebaiknya.
16. Selain itu, saya juga mendapati prestasi kadar pusingan stok tahunan KDN sehingga Sukuan Ketiga Tahun 2021 mencatatkan hanya 2.637 berbanding 3 kadar pusingan yang sepatutnya dicapai dalam tempoh tersebut. Saya meminta agar perkara ini disusuli dengan serius oleh semua Ketua Agensi dan PTJ agar prestasi keseluruhan KDN dipertingkatkan lagi sekurang-kurangnya pada 4 kadar pusingan tahunan seperti ketetapan yang digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan.

PERAKAUNAN

17. Seperti yang kita semua sedia maklum, perakaunan kerajaan telah beralih dari fasa Perakaunan Tunai Ubah Suai kepada Perakaunan Akruan. Perubahan ini akan dapat memberi gambaran kedudukan kewangan

Kerajaan yang lebih tepat dan menyeluruh serta ketelusan Kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun dapat dipertingkatkan.

18. Antara proses ke arah pelaksanaan perakaunan akruan ini adalah pengumpulan data Baki Awal Aset dan Liabiliti Kementerian. Satu *taskforce* yang dinamakan *Flying Squad* telah ditubuhkan untuk memastikan ketepatan data baki awal dan Penyata Kewangan Kementerian mendapat Sijil Audit Bersih. Sehingga 30 September 2021, sebanyak 200,081 atau 78.4% bilangan aset dengan nilai RM35 bilion telah disemak dan disahkan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

19. Saya memandang serius mengenai keperluan untuk memperkukuhkan lagi struktur organisasi dan perjawatan di semua PTJ. Berhubung hal ini, KDN sedang menyusuli usaha untuk memantapkan fungsi dan peranan PTJ agar pengurusan kewangan dapat dilunaskan dengan teratur, cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun, Kementerian masih lagi tertakluk kepada Dasar Rasionalisasi Saiz Perkhidmatan Awam yang mana sebarang cadangan pewujudan dan penambahan jawatan hendaklah dilaksanakan secara kaedah pindah butiran (*redeployment*) atau tukar ganti (*trade off*) perjawatan sedia ada.
20. Saya juga ingin mengingatkan Ketua Agensi dan PTJ untuk menyusuli pusingan kerja pegawai-pegawai yang berkhidmat lebih tiga (3) tahun di jawatan tempat sensitif khususnya yang melibatkan urusan perolehan, kewangan dan penguatkuasaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 April 2021 sama ada secara dalaman di peringkat kementerian atau agensi mahu pun pertukaran keluar dari KDN. Pusingan kerja ini penting bagi melahirkan pegawai sektor awam yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi di samping menangani isu integriti dan salah guna kuasa. Sehingga 31 Disember 2021, KDN telah berjaya membuat pusingan kerja melibatkan seramai 50,860 pegawai (51.4%).
21. Pada masa yang sama saya juga mengingatkan supaya penempatan pegawai di setiap agensi hendaklah berdasarkan waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Penempatan secara pentadbiran adalah tidak dibenarkan kerana tidak selaras dengan prinsip

rate for the job, menjejaskan struktur organisasi sedia ada serta turut memberi implikasi dari aspek perundangan dan kewangan.

PENGAUDITAN

22. Sepanjang tahun 2021, Bahagian Audit Dalam KDN telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan melibatkan 35 PTJ dan **24 PTJ telah memperolehi tahap prestasi 5 dan 4 bintang**. Manakala baki 11 PTJ lagi berada pada status 3, 2 dan 1 bintang.
23. Antara penemuan audit yang perlu disusuli tindakan penambahbaikan dengan serius dan segera adalah:
- (i) Pengurusan kenderaan jabatan yang tidak teratur melibatkan Penggunaan Inden Minyak dan *Touch N Go*, penyelenggaraan buku log, pembelian bahan api yang tidak direkod dan diperiksa serta saman tertunggak yang tidak diselesaikan;
 - (ii) Pengurusan aset dan stor yang tidak efisien termasuk tidak melaksanakan Pemeriksaan Dalaman di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 308 dan Pemeriksaan Mengejut di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 309; dan
 - (iii) *Improper payment* masih lagi berlaku di mana pembayaran dibuat tanpa pembekalan yang sempurna.
24. Selain itu juga, sepanjang 2021 KDN juga berhadapan dengan **13 kes baharu AP59** dan **20 kes Kehilangan Wang Awam** yang masih belum selesai. Perkara ini telah merugikan wang kerajaan. Sehubungan itu, saya menyeru semua Ketua Agensi dan PTJ memberi perhatian serius terhadap peraturan kewangan semasa dan memastikan ianya tidak berulang.
25. Sebagai langkah intervensi, Bahagian Audit Dalam akan melaksanakan Bengkel Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan pada tahun 2022 ini bagi memperkasakan pengetahuan terhadap peraturan kewangan dan perakaunan.

26. Pada masa yang sama, pemantauan pengauditan juga akan terus dilaksanakan melalui Sistem FIRM (*Financial Management Indeks Reporting System*) bermula pada bulan Mac 2022. Penilaian perlu dibuat dengan telus oleh semua PTJ bagi membantu Bahagian Audit dalam mengenal pasti PTJ yang lemah.

PENGURUSAN LATIHAN

27. Saya juga melihat aspek latihan sangat penting dalam menyediakan pegawai yang berpengetahuan dan berkemahiran bagi meminimalkan ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan. Ia juga dapat melahirkan modal insan yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik setanding dengan tuntutan dan cabaran semasa KDN.
28. Mulai Januari 2022, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM), Versi 1.0. Di bawah dasar ini, pembangunan kompetensi diperluaskan dengan menggunakan Model Pembangunan 3P iaitu Pendidikan, Pendedahan dan Pengalaman.
29. Pada tahun ini, sebanyak RM46.3 juta telah diperuntukkan untuk Pelan Operasi Latihan KDN. Bagi memastikan Pelan Operasi Latihan 2022 lebih baik dari segi perbelanjaan dan pelaksanaannya, berikut merupakan strategi yang telah dirangka:
- (i) Penggunaan teknologi yang optimum dalam pelaksanaan program latihan atau penggunaan kaedah *blended-approach*;
 - (ii) Setiap pegawai perlu melengkapkan diri dengan sekurang-kurangnya 40 jam latihan dalam tahun penilaian;
 - (iii) Peratus pematuhan 40 jam latihan ditetapkan sebagai KPI semua Ketua Bahagian/Jabatan; dan
 - (iv) Pegawai dan warga KDN yang tidak mencapai 40 jam latihan tanpa alasan munasabah disyorkan diberi Surat Amaran Secara Pentadbiran dan dikenakan penalti gandaan hari berkursus pada tahun berikutnya.

PENDIGITALAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN DI KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

30. Kerajaan melalui MyDigital pada tahun 2021 telah menggariskan beberapa matlamat menjelang tahun 2025 seperti 100% penjawat awam celik digital, 80% perkhidmatan Kerajaan adalah secara dalam talian (*end-to-end*), pelaksanaan *e-payment* di semua kementerian dan 80% penggunaan *cloud storage*.
31. Selaras dengan hasrat kerajaan tersebut, KDN telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan KDN bagi tahun 2021-2025 yang merupakan sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju pendigitalan KDN dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Antara usaha pendigitalan yang telah dilaksanakan adalah:
 - (i) Sebanyak 304 perkhidmatan (81.7%) di peringkat kementerian mahu pun agensi telah mencapai tahap perkhidmatan *end-to-end*;
 - (ii) KDN juga adalah antara Agensi Kerajaan terawal yang menggunakan sistem kawalan pintu melalui penggunaan teknologi pengesanan muka (*facial recognition*) untuk memasuki bangunan KDN bagi mengelakkan berlakunya sentuhan fizikal pada peralatan gunasama sewaktu pandemik Covid-19 ini. Penggunaan sistem ini dirancang akan diperluaskan ke pejabat-pejabat KDN di negeri-negeri pada tahun ini;
 - (iii) Pengaplikasian Sistem Pengurusan Kelulusan KDN (*ezApprove*) yang membolehkan keputusan Pengurusan Atasan Tertinggi kementerian dan agensi dilakukan secara dalam talian (*online*);
 - (iv) Pembangunan *private cloud storage*, iaitu *KDN Drive* bagi kegunaan seluruh warga KDN yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan maksimum;
 - (v) Sistem Dashboard Audit Dalam (*DashAD*) telah dibangunkan untuk memantau teguran dan maklum balas setiap PTJ di mana bagi tahun 2022, fokus ditumpukan kepada pemantauan maklum balas Pengauditan Pengurusan Kewangan audit; dan

- (vi) Berkuat kuasa 1 Januari 2022, Sistem Pengurusan Kewangan (SPKW) bertujuan untuk memproses permohonan bertugas rasmi ke luar negara secara dalam talian telah mula digunakan.
32. Saya menggesa supaya pelaksanaan terimaan secara elektronik dapat dilaksanakan dengan lebih meluas pada tahun ini selaras dengan arahan Kementerian Kewangan supaya semua agensi kerajaan melaksanakan terimaan secara elektronik dan kaedah lama seperti terimaan tunai, cek dan draf bank dikurangkan.
33. Tahniah saya ucapkan kepada PDRM, JIM, JPN, JPPM dan RELA yang telah berjaya menggunakan kaedah *e-payment* dalam urusan penyampaian perkhidmatan agensi masing-masing.

PENGUKUHAN INTEGRITI

34. Dalam usaha mengukuhkan lagi integriti dan menangani pelakuan rasuah, beberapa perkara berikut telah dilaksanakan:
- (i) Empat daripada 11 inisiatif di bawah KDN dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah berjaya diselesaikan. Baki tujuh (7) inisiatif NACP seperti penubuhan *Single Border Agency* (SBA), pembangunan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) dan Rang Undang-Undang Penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sedang giat dilaksanakan;
 - (ii) KDN dan semua jabatan/agensi KDN juga telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) agensi masing-masing; dan
 - (iii) KDN juga telah melaksanakan standard *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) dan telah berjaya menerima pensijilan ABMS oleh SIRIM, iaitu pada 25 November 2021. Saya sarankan semua jabatan/agensi di KDN untuk turut melaksanakan ABMS bagi menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membanteras amalan rasuah.

35. Saya juga ingin tegaskan di sini bahawa mana-mana warga KDN yang ditawarkan rasuah atau mempunyai maklumat mengenai perlakuan salah laku integriti, segera laporkannya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Unit Integriti (UI) di organisasi masing-masing.
36. Jangan risau akan sebarang kebocoran maklumat atau tindakan balas kerana pemberi maklumat telah diberi jaminan di bawah Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat yang mana identiti dan butiran dirahsiakan.
37. Bagi tahun 2022, KDN konsisten dalam menyasarkan 'Tiada Toleransi Terhadap Rasuah' (*Zero Tolerance for Corruption*) selari dengan KPI pelanggaran integriti tidak melebihi satu peratus daripada perjawatan keseluruhan. Anugerah Khas Integriti KDN juga diperkenalkan sebagai satu galakan kepada warga KDN untuk terus membudayakan etika, integriti dan kecemerlangan yang tinggi semasa menjalankan tugas.

HALA TUJU STRATEGIK

38. Bagi mendepani pelbagai cabaran dari aspek keselamatan pada masa akan datang, KDN telah mengatur strategi yang komprehensif untuk tempoh lima (5) tahun melalui Pelan Strategik KDN 2021-2025 di bawah empat (4) Teras Strategik berikut:

Teras 1: Memperkukuh keselamatan dan ketenteraman awam;

Teras 2: Memperkasa kawalan sempadan, maritim dan membanteras jenayah rentas sempadan;

Teras 3: Membanteras gejala dadah dan substans; dan

Teras 4: Mentransformasi institusi dan sistem penyampaian perkhidmatan

39. KDN telah menetapkan **Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam Terjamin** serta **Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang Dan Berintegriti** sebagai *outcome* Kementerian bagi

Outcome Based Budgeting (OBB) yang diukur melalui tiga (3) KPI utama iaitu, Kadar Jenayah Indeks kepada 100 ribu penduduk, Indeks Keselamatan dan Indeks Kepuasan Pelanggan.

40. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KDN telah diberi tanggungjawab untuk menerajui inisiatif yang digariskan di bawah **Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti** di mana satu KPI nasional telah ditetapkan khususnya bagi menangani indeks jenayah iaitu **Kes Jenayah Indeks bagi setiap 100,000 penduduk**. Sehubungan dengan itu, laporan berkala yang tepat dan terkini dari semua PTJ amat diperlukan bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

HARAPAN

41. Saya ingin mengingatkan semua PTJ agar mematuhi *chain of command* dalam tadbir urus baik di peringkat kementerian mahu pun agensi. Segala urusan dan pertanyaan dengan agensi pusat hendaklah melalui dan mendapat ulasan kementerian terlebih dahulu.
42. KDN juga telah mengeluarkan Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri Bilangan 1 Tahun 2022 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 sebagai panduan bersifat kawalan dalaman berdasarkan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa.
43. Akhir sekali, saya menjangkakan bahawa prestasi tahun 2022 akan menjadi lebih baik daripada tahun lepas ekoran daripada kesiapsiagaan seluruh jentera Kementerian dalam mengharungi fasa pemulihan negara susulan pandemik COVID-19 dan bencana banjir besar yang baru berlaku. Saya percaya dengan persediaan awal dan komitmen semua pegawai KDN, kita akan dapat mengharunginya bersama-sama.

Kita Demi Negara

Negara Kita, Keselamatan Tanggungjawab Bersama

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.